

Utusan Malaysia - Dangkal Fikiran Jika Tolak Tawaran China Bina ECRL - PM

Khamis, Apr 12 2018



NAJIB TUN RAZAK menyempurnakan majlis perasmian Pecah Tanah Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) di Bandar Baru Tunjong, Kota Bharu, Kelantan, semalam. Turut hadir, (dari kanan) Liow Tiong Lai, Mustapa Mohamed, Mohd. Irwan Serigar Abdullah dan Darwis Abdul Razak. - UTUSAN/SHIDDIQIIN ZON

Jika tolak tawaran China bina ECRL – PM

Dangkal fikiran

um 12/4

Oleh **AZRAN FITRI RAHIM**

azran.rahim@utusan.com.my

■ KOTA BHARU 11 APRIL

TERLALU dangkal akal fikiran sekiranya Malaysia menolak tawaran yang diberikan oleh China untuk membina Laluan Rel Pantai Timur (ECRL).

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, tawaran daripada kontraktor melalui kerajaan China adalah yang terbaik serta tidak mampu ditawarkan oleh mana-mana syarikat lain di dunia.

Menurut beliau, malah syarikat China Communication Construction Ltd. (CCCC) mempunyai rekod yang cemerlang dengan membina rangkaian rel terpanjang di dunia.

“Antara tawaran tersebut ialah pinjaman istimewa kita sebanyak 85 peratus daripada nilai projek ini dan ada tempoh tak payah bayar selama

tujuh tahun dengan kadar faedah antara yang terendah di dunia yang tak boleh disaingi oleh bank tempatan atau mana-mana bank lain.

“Tujuh tahun tak payah bayar, apabila bayar pun nilai mata wang sudah turun kalau inflasi tiga peratus, hampir tidak ada faedah sebab itu kita terima tawaran daripada negara China, bukan kita tak buat perbandingan, kita buat perbandingan kita pilih kerana menguntungkan negara,” katanya ketika berucap merasmikan majlis pecah tanah projek ECRL peringkat negeri di Bandar Baru Tunjong di sini hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed; Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai; dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Mohd. Irwan Serigar Abdullah.

Hadir sama, Pengarah Urusan Eksekutif China Communications Construction ECRL Sdn. Bhd., Bai Yin-

zhan dan Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. (MRL), Datuk Seri Darwis Abdul Razak.

Najib berkata, rakyat akan menanggung kerugian sekiranya projek itu dibatalkan seperti yang diuar-uarkan oleh Pengerusi gabungan pembangkang PKR, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

“Apa akan jadi pada subkontraktor dan pekerja kita. Kalau China kata kami tidak akan beli sawit dari Malaysia, harga sawit akan jatuh merudum, siapa akan rugi, kalau China kata kami tak nak beli barangan Malaysia, siapa akan rugi.

“Sebab itu apatah lagi orang yang tidak pernah senang hati dengan Kelantan ini, 22 tahun tidak senang hati dengan Kelantan, Kelantan kena dera, Kelantan tidak diambil peduli, tetapi zaman saya Kelantan dibangunkan walaupun negeri ini diperintah oleh pembangkang kerana kita nak bantu rakyat,” katanya.